Levisat 500mg Film Coated Tablet

Levetiracetam 500mg Film Coated Tablet

Apakah yang ada pada risalah ini

1.Apakah kegunaan *Levisat 500mg Film Coated Tablet*
2. Bagaimana *Levisat 500mg Film Coated Tablet* Berfungsi
3. Sebelum mengambil *Levisat 500mg Film Coated Tablet*
4.Cara menggunakan *Levisat 500mg Film Coated Tablet*
5. Semasa menggunakan *Levisat 500mg Film Coated Tablet*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan
8.Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang pendaftaran Produk
10.Tarikh Kemaskini RiMUP
11.Nombor Siri RiMUP

Apakah kegunaan *Levisat 500mg Film Coated Tablet*

Levisat digunakan:

• secara sendiri di kalangan orang dewasa dan remaja dari umur 16 tahun dengan jenis epilepi tertentu yang baru didiagnosis, Epilepsi adalah satu keadaan di mana pesakit mempunyai sawan berulang (sawan). *Levetiracetam* digunakan untuk jenis epilepsy di mana pada mulanya ia hanya menjejaskan satu bahagian otak, tetapi selepas itu boleh merebak ke kawasan yang lebih besar di kedua-dua belah otak (cetusan separa dengan atau tanpa generalisasi sekunder). Levisat telah diberikan kepada anda oleh doktor anda bagi mengurangkan bilangan serangan sawan.

• sebagai tambahan untuk ubat-ubatan anti-epileptik lain dalam merawat: - sawan cetusan separa dengan atau tanpa generalisasi sekunder di kalangan orang dewasa dan kanak- kanak dari 4 tahun dengan epilepsi.

- sawan *myoclonic* (sentakan pendek seperti kejutan oleh otot or sekumpalan otot) di kalangan orang dewasa dan remaja dari 12 tahun dengan epilepsi *myoclonic* juvana

- sawan utama umum tonik-klonik (sawan utama termasuk kehilangan kesedaran) di kalangan orang dewasa dan kanak-kanak dari 12 tahun dengan Epilepsi Umum *Idiopathic*.

Bagaimana *Levisat 500mg Film Coated Tablet* Berfungsi

Levisat adalah ubat anti-epileptik (satu ubat yang digunakan untuk merawat sawan dalam epilepsi).

Sebelum mengambil *Levisat 500mg Film Coated Tablet*

-Bila tidak boleh

Jangan mengambil Levisat

• Jika anda alah kepada levetiracetam, derivatif *pyrrolidone* atau mana-mana bahan-bahan lain ubat ini

Kehamilan dan penyusuan bayi

Jika anda hamil atau menyusu bayi, mungkin hamil atau merancang untuk hamil, tanya doktor untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil ubat ini.

Semasa hamil Levisat hanya boleh digunakan sekiranya doktor anda membuat penilaian dan mendapati anda memerlukannya. Anda tidak boleh menghentikan rawatan ini tanpa berbincang dengan doktor. Risiko kecacatan kelahiran bagi anak di dalam kandungan anda tidak boleh diketepikan sepenuhnya.Levisat telah menunjukkan kesan sampingan yang tidak diingini kepada sistem pembiakan dalam kajian terhadap haiwan, Penyusuan bayi adalah tidak digalakkan semasa rawatan.

Kanak-kanak dan remaja Levisat tidak diindikasikan untuk kanak-kanak dan remaja sebelum berumur16 tahun dengan sendiri (monoterapi).

-Sebelum mula menggambil

Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil Levisat

• Jika anda mengalami masalah buah pinggang, ikut arahan doktor anda. Mereka boleh menetapkan jika dos anda perlu diselaraskan.

• Jika anda mendapati kelewatan dalam pertumbuhan atau perkembangan akil baligh yang tidak dijangka pada anak anda, sila hubungi doktor anda.

• Sebilangan kecil orang yang dirawat dengan ubat anti-epileptik seperti Levisat pernah mengalami pemikiran untuk mencederakan atau membunuh diri mereka sendiri. Jika anda mempunyai sebarang tanda-tanda kemurungan dan / atau perasaan mahu membunuh diri sendiri, sila hubungi doktor anda.

• Sekiranya anda perasan tingkah laku tidak normal dan agresif, atau jika anda atau keluarga anda serta rakan anda perasan perubahan ketara berkaitan dengan emosi atau tingkah laku, hubungi doktor anda dengan kadar segera.

• Sekiranya anda mempunyai sejarah keluarga atau perubatan dengan masalah jantung, misalnya gangguan irama pada degupan jantung (dapat dilihat pada elektrokardiogram) atau jika anda mengambil sebarang ubat lain yang membuat anda cenderung kepada gangguan irama pada degupan jantung atau jumlah garam yang luar biasa di dalam badan.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda telah mengambil baru-baru ini atau mungkin mengambil apa-apa ubat- ubatan lain.

Cara menggunakan *Levisat 500mg Film Coated Tablet*

-Berapa banyak harus diambil

Sentiasa ambil ubat ini sepertimanayang diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda. Semak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti. Ambil bilangan tablet seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

-Bila perlu diambil

Patuhi nasihat doktor.

-Berapa lama perlu diambil

Jangan berhenti mengambil Levisat 500mg Film Coated Tablet 500mg tanpa nasihat doktor.

-Jika anda terlupa mengambil

Ambil dos yang tertinggal dengan segera apabila teringat. Jika sudah hampir dengan dos seterusnya, langkau dos yang tertinggal dan ambil dos seterusnya secara biasa, jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa.

Levisat 500mg Film Coated Tablet

Levetiracetam 500mg Film Coated Tablet

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)
Sekiranya anda telah mengambil *Levisat 500mg Film Coated Tablet* secara tidak sengaja, anda mungkin mengalami peningkatan risiko dengan kesan sampingan dengan ubat ini.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke hospital terdekat untuk rawatan.

Semasa menggunakan *Levisat 500mg Film Coated Tablet*
-Perkara yang perlu dilakukan
Ikut nasihat doktor

-Perkara yang tidak boleh dilakukan
Jangan berhenti mengambil *Levisat 500mg Film Coated Tablet* tanpa berunding dengan doktor anda terlebih dahulu.
Jangan berikan ubat anda kepada orang lain yang mengalami gejala yang sama seperti anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian
Memandu dan mengendalikan mesin Levisat mungkin mengurangkan keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan apa-apa alat atau jentera,kerana Levisat boleh membuatkan anda mengantuk. Ini adalah lebih cenderung berlaku pada awal rawatan atau selepas peningkatan dalam dos. Anda tidak sepatutnya memandu atau menggunakan mesin sehingga telah disahkan bahawa keupayaan anda untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti tersebut tidak terjejas.

Kesan-kesan Sampingan
Seperti semua ubat, ubat ini boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang mendapatnya.

Kesan sampingan yang biasa termasuk pening,sakit kepala dan rasa mengantuk.

Jumpa doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami apa-apa kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web http://npra.moh.gov.my (Orang Awam Lapor Kesan Sampingan Ubat (ConSERF) atau Vaksin (AEFI))

Cara Penyimpanan dan Pelupusan *Levisat 500mg Film Coated Tablet*
-Penyimpanan
Simpan pada suhu kurang daripda 30°C.
JAUHKAN DARIPADA KANAK-KANAK.

-Pelupusan
Ubat tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau buangan isi rumah.Langkah-langkah ini akan membantu melindungi persekitaran

Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat Lanjut
-Rupa dan Warna Produk
Pil bersalut filem dengan warna kuning,berbentuk lonjong *,"biconvex*",dengan "L" dan "U" serta garis putus disatu sisi dan "X02" di sisi lain.

-Bahan-bahan Kandungan
Bahan aktif yang digunakan ialah *Levetiracetam*

Bahan bukan aktif yang digunakan ialah *Corn Starch, Microcrystalline Cellulose 102, Crosspovidone, Colloidal Silicon Dioxide, Purified Talc, Povidone, Magnesium Stearate* dan *OpadryYellow 05F82955*

Nombor MAL:

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
SM Pharmaceuticals Sdn.Bhd(218628-M)
Lot 88,Sungai Petani Industrial Estate
08000,Sungai Petani
Kedah Darul Aman,Malaysia

Tarikh Kemaskini: 26.05.2022

NPRA (R2) 21/114